Malaysian Journal of Mathematical Sciences 2(2): 103-111 (2008)

# Pengurusan Ekosistem Hutan Bakau Di Selangor : Kajian Daripada Segi Pelaksanaan Dasar Berkaitan Alam Sekitar di Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor

**Haliza Abdul Rahman**
*Pusat Pengajian Sains Kesihatan,*
*Kampus Kesihatan,Universiti Sains Malaysia,*
*16150 Kubang Kerian, Kelantan.*
*E-mel : haliza@kb.usm.my*

## ABSTRAK

Pengurusan ekosistem hutan bakau sangat penting kerana ia akan menentukan usaha memaju dan mengagihkan sumber tersebut dapat dilaksanakan dengan berkesan melalui pembentukan dasar, undang-undang serta amalan yang melibatkan teknik tertentu. Usaha-usaha memampankan ekosistem hutan bakau berdasarkan dasar yang ditetapkan memerlukan agensi-agensi kerajaan bertindak sebagai perancang dan pelaksana ditubuhkan selain dibantu oleh penguatkuasaan undang-undang dan garis panduan yang bertindak sebagai alat kawalan. Hasil soalselidik yang dilakukan di Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor menunjukkan masalah kemerosotan dan kemusnahan hutan bakau terus berlaku di Selangor disebabkan oleh dua faktor utama iaitu kekurangan pengetahuan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan ekosistem hutan bakau khususnya berkaitan dasar dan perundangan yang digunapakai di kalangan kakitangan agensi berkenaan serta kegagalan mewujudkan satu bentuk pengurusan bersepadu di antara agensi-agensi yang terlibat.